

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(18)

23 April 2014

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.1/2014**

PERUBAHAN NILAI MAKSIMUM TUNGGAKAN YURAN PENGAJIAN

Peringatan semula kepada semua Mahasiswa Pengajian Separuh Masa agar sentiasa peka berkaitan Pekeliling Mahasiswa Bil.2/2011 : Peringatan Semula Berkaitan Pembayaran Yuran Dalam Tempoh Yang Ditetapkan yang dikeluarkan pada 14 November 2011.

Dimaklumkan bahawa pihak UTMSPACE melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran UTMSPACE Bil.1/2014 telah meluluskan dan akan mengambil tindakan kepada mahasiswa yang gagal menjelaskan bayaran yuran pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dengan nilai maksimum tunggakan sebanyak **RM700.00 (Ringgit Malaysia : Tujuh Ratus Sahaja)**. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai:-

Semester I, Sesi 2014/2015 - Program Diploma & Sarjana Muda


Sehubungan itu, mahasiswa yang mempunyai tunggakan melebihi RM 700.00 **TIDAK DIBENARKAN MENDAFTAR KURSUS** bagi semester tersebut.

Justeru, mahasiswa adalah dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi Peraturan Akademik dan peka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Mahasiswa Pengajian Separuh Masa UTMSPACE. Segala maklumat berkaitan Pengajian Separuh Masa disediakan dalam Portal Pelajar dalam laman sesawang : www.utmspace.edu.my . Sebarang masalah dan pertanyaan boleh dipanjangkan menerusi enquiry@utmspace.edu.my .

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS

Pengarah
Pusat Pengajian Separuh Masa
b.p Dekan
UTMSPACE

- s.k - Dekan, UTMSPACE
- Timbalan Pengarah, Pusat Pengajian Separuh Masa UTMSPACE
 - Pengurus Besar, Bahagian Kewangan UTMSPACE
 - Pengurus Besar, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi UTMSPACE
 - Pengurus Akademik Program Luar, Akademik, Pusat Pengajian & Fakulti-Fakulti UTM
 - Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa UTMSPACE